



Lima Produk Ciptaan Penyelidik UniSZA Raih Pingat Antarabangsa

KUALA TERENGGANU, 15 April (Bernama) -- Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya mencipta nama di persada antarabangsa apabila lima produk yang dipertandingkan di Pameran Reka Cipta Antarabangsa di Geneva, Switzerland yang berlangsung selama lima hari bermula 2 April lalu berjaya memperoleh pingat.

Program anjuran World Intellectual Property Organisation (WIPO) dengan kerjasama Swiss Confederation dan Bandaraya Geneva itu turut mendapat penyertaan kira-kira 1,000 ciptaan dari 45 buah negara.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), Dr Khamsah Suryati Mohd berkata pihaknya sangat bersyukur dan bertuah kerana penyertaan kali pertama UniSZA ke pameran antarabangsa itu berjaya dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Dua daripada produk yang dihasilkan penyelidik berjaya memperoleh pingat emas iaitu produk Interactive Animated Epilepsy Education Programme (IAEEP) for children dan i-Warner, projek pengesanan banjir yang dapat memberi isyarat ke pusat kawalan banjir serta telefon pintar.

"Dua lagi produk Virtual Umrah dan Zuhause iaitu tempat duduk yang fleksibel dan boleh ditukar bentuk, berjaya memperoleh pingat perak manakala produk ExGenoba System yang direka khas bagi membuat soalan peperiksaan secara automatik menggunakan sistem yang direka khas berjaya memperoleh pingat gangsa," katanya kepada pemberita ketika ditemui di UniSZA di sini hari ini.

Khamsah Suryati berkata dua produk turut berjaya menarik perhatian dan mendapat pengiktirafan serta anugerah khas dari dua negara iaitu Arab Saudi dan Korea.

"Produk Virtual Umrah berjaya mendapat anugerah khas Masjidil Haram, Arab Saudi manakala projek Exgenoba System memperoleh anugerah khas Korea Invention Promotion Association (KIPA).

"Kedua-dua pihak ini berminat dengan hasil produk yang dicipta penyelidik UniSZA dan produk ini berjaya menarik minat beberapa syarikat pelancongan yang ingin memasarkannya ke Eropah kerana produk yang dihasilkan penyelidik UniSZA sangat mengikut keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata melalui perisian Produk Virtual Umrah, pengguna bukan sahaja dapat belajar cara menunaikan umrah, malah seolah-olah melalui pengalamannya dengan animasi yang direka khas.

Kelima-lima produk berkenaan dihasilkan oleh lima pensyarah iaitu Profesor Lua Pei Lin, Dr Engku Fadzi Hasan Syed Abdullah, Normala Rahim, Muhammad Muzzammel Mukhtar dan Azwa Abdul Aziz.

Kesemua produk yang dipertandingkan pada pameran berkenaan memenangi pingat emas di Pameran Ciptaan, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa di Kuala Lumpur pada Mei tahun lalu.

-- BERNAMA